KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT GALAK PEMBANGUNAN RUMAH MAMPU MILIK BERHAMPIRAN PENGANGKUTAN AWAM DAN PUSAT PEKERJAAN

PUTRAJAYA, 23 Oktober 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menggalakkan pembangunan lebih banyak rumah mampu milik berhampiran kemudahan pengangkutan awam dan pusat pekerjaan bagi memudahkan mobiliti harian rakyat, mengurangkan beban perjalanan serta meningkatkan kualiti hidup.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming berkata, pembangunan perumahan perlu dirancang secara strategik bagi memastikan rakyat bukan sahaja memiliki kediaman yang mampu dimiliki, malah menikmati akses yang lebih baik kepada pekerjaan, kemudahan asas dan perkhidmatan komuniti.

“Di bawah kerangka Malaysia MADANI, rumah bukan sekadar komoditi, sebaliknya merupakan keperluan asas yang menjadi tunjang kesejahteraan rakyat. Justeru, pembangunan perumahan perlu berteraskan keperluan rakyat dengan mengambil kira akses kepada pengangkutan awam, peluang pekerjaan, kawasan hijau serta kemudahan komuniti yang selamat dan kondusif,” kata beliau.

YB Nga Kor Ming, yang juga **Presiden Perhimpunan UN-Habitat,** berkata Kerajaan MADANI **menyasarkan penyediaan sejuta unit rumah mampu milik bagi tempoh 2026 hingga 2035, dengan sasaran 500,000 unit menjelang tahun 2030.**

“Usaha memperluas akses kepada pemilikan rumah turut disokong melalui pelbagai inisiatif kerajaan, termasuk insentif berkaitan duti setem, Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dan pendekatan sewa untuk dimiliki (*Rent-to-Own).* Inisiatif ini bertujuan membantu pembeli rumah pertama, khususnya golongan bekerja sendiri dan pekerja gig yang mungkin berdepan cabaran dari segi akses kepada pembiayaan serta penyediaan wang pendahuluan,” katanya.

Melalui IPOH Accord yang dimuktamadkan semasa Persidangan Meja Bulat Peringkat Menteri ASEAN-China (ACMROCH) Ke-4, Malaysia turut memperkukuh komitmen terhadap pembangunan perumahan yang cekap tenaga dan responsif terhadap keadaan iklim.

Komitmen tersebut dizahirkan menerusi ucaptama beliau sempena **Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia Peringkat Kebangsaan 2026** yang berlangsung bersempena Majlis Makan Malam Gala UN-Habitat di Putrajaya, malam ini. Majlis tersebut turut dihadiri para duta dan wakil diplomatik dari 28 negara.

Sambutan Hari Habitat Sedunia tahun ini mengangkat tema nasional "Bandar Masa Hadapan yang Ingin Saya Diami", yang mencerminkan aspirasi untuk membangunkan bandar yang mengambil kira perubahan iklim, warisan budaya, pengalaman pembangunan dan kepelbagaian masyarakat Malaysia.

Mengulas lanjut mengenai pembangunan bandar masa hadapan, YB Nga Kor Ming menegaskan bahawa kemajuan perlu bergerak seiring dengan usaha memelihara warisan dan identiti negara.

"Yang lama dikelek, yang baharu didukung. Membina bandar masa hadapan tidak bermakna kita mengetepikan warisan dan sejarah. Sebaliknya, kebijaksanaan reka bentuk tradisional boleh digabungkan dengan teknologi moden untuk menghasilkan kediaman yang lebih selesa dan berdaya tahan terhadap cuaca panas serta risiko banjir.

"Sebagai contoh, rumah tradisional Melayu menggunakan struktur bertiang yang mengambil kira keadaan paras air, bukaan yang menggalakkan pengudaraan semula jadi serta ruang serambi yang mengeratkan hubungan kejiranan dan silaturahim. Ciri-ciri ini boleh dijadikan inspirasi dalam mereka bentuk kediaman moden yang lebih sesuai dengan iklim tempatan," katanya.

Pada majlis tersebut, YB Nga Kor Ming turut menyampaikan Anugerah Skrol Kehormat Malaysia 2026 dan Anugerah Projek Rintis Bandar Masa Hadapan MUF 2026 bagi mengiktiraf sumbangan pelbagai pihak dalam meningkatkan kesejahteraan bandar. **Senarai penuh penerima anugerah disertakan dalam lampiran.**

Beliau turut menyeru 156 pihak berkuasa tempatan (PBT), pemaju dan perancang bandar supaya memperkukuh penglibatan penduduk dalam proses perancangan pembangunan, dengan mengambil kira keperluan semua lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak, wanita, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.

Hari Habitat Sedunia ditetapkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dunia mengenai hak setiap insan untuk mendapatkan tempat tinggal yang memadai. Sambutan peringkat global tahun ini berpusat di Muscat, Kesultanan Oman, dengan tumpuan kepada hubungan antara perumahan, iklim, sumber air, kebudayaan dan inovasi pembinaan.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1.Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 I *Faks : 03-8891 5557* I *E-mel :* media.ukk@kpkt.gov.my